

# Mayat dua beranak hilang ditemui

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK  
berita@kosmo.com.my

**KUANTAN** - Pasukan penyelamat berjaya menemui mayat dua beranak iaitu Jamali Ali, 45, dan anaknya, Megat Muhammad Nazli, 17, yang hilang ditelan arus banjir dalam kejadian Rabu lalu.

Mayat Jamali yang merupakan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pekan ditemui pada pukul 2.30 petang semalam di tali air dekat Gudang Rasau di sini, kira-kira satu kilometer dari tempat dia dilaporkan hilang.

Dalam pada itu, mayat Megat Muhammad Nazli pula ditemui tersangkut di sebatang pokok berhampiran sebuah tali air pada pukul 9.30 pagi di Taman Guru, tidak jauh dari lokasi penemuan mayat bapanya.

Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Ab. Ghani berkata, kedua-dua mayat itu ditemui pasukan penyelamat yang dibantu oleh ahli keluarga mangsa.

"Mayat dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan dan telah dituntut keluarga mereka bagi urusan pengebumian," kata beliau kepada pemberita di sini semalam.

Dalam kejadian di Sungai Isap



**SALAH** seorang anggota keluarga yang tidak dapat menahan kesedihan memeluk mayat Jamali Ali yang ditemui di Kuantan semalam.

*Kosmo 7/12/13 MS 3*

di sini pukul 8 malam Rabu lalu, Jamali dan anaknya dilaporkan terjatuh ke dalam pusaran air selepas bot fiber yang dinaiki tidak stabil akibat dipukul arus deras banjir.

Kedua-dua beranak berkenaan sebelum kejadian dikatakan hen-

dak pulang ke rumah mereka bagi mengambil barang keperluan untuk dibawa ke pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Sungai Isap.

Ujar Sharifuddin lagi, jenazah kedua-dua mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Pekan Lama di Pekan selepas dituntut keluarga.

## INFO Jumlah mangsa banjir dipindahkan

Negeri	(4 Disember 2013)	(5 DISEMBER 2013)	(6 DISEMBER 2013)
Pahang	19,750	29,270	32,838
Johor	8,250	2,027	1,507
Terengganu	5,138	7,163	7,299
Kelantan	480	2,078	2,123
Melaka	25	25	25
<b>JUMLAH</b>	<b>33,643</b>	<b>40,563</b>	<b>54,792</b>

## INFO Laluan terjejas akibat banjir

### JOHOR

Jalan Johor Bahru-Mersing

Jalan Lubuk Melikai (Jalan Felda Nitar)

Jalan Mersing-Jemalung

Jalan Mawai-Lok Heng-Sunga Mas

Jalan Tanjung Sedeli

Jalan Batu 5, Kampung Tenglu

## Talian bantuan

Majlis Keselamatan Negara (MKN)	03-8872 6817
Jabatan Kebajikan Masyarakat	03-8323 1000
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia	03-2687 1300
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	03-2031 9999
Jabatan Pengairan Malaysia	06-765 9650
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	03-8888 0025
Pusat Pengurusan Bencana Jabatan kerja Raya (JKR)	03-2610 7710



**Banjir**